



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION**  
**JANUARY 2011 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 2143  
**SUBJECT TITLE** : PENGAJIAN ISLAM  
**LEVEL** : BACHELOR  
**TIME / DURATION** : 9.00am – 11.00am  
( 2 HOURS )  
**DATE** : 12 MAY 2011

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer two (2) question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.**

1. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai ihsan.
  - A. Yakin dan percaya kepada Allah.
  - B. Mematuhi segala larangan Allah.
  - C. Menjauhi perbuatan maksiat.
  - D. Keikhlasan kepada Allah seolah-olah Allah melihatnya.
  
2. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai ilmu fardu kifayah.
  - A. Ilmu yang wajib dituntut oleh setiap umat Islam.
  - B. Berkembang berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan akal.
  - C. Ilmu yang wajib dituntut oleh golongan tertentu bagi melepaskan tanggungjawab semua manusia.
  - D. Dikenali juga sebagai ilmu naqli.
  
3. Maqasid Syariah memberikan asas kepada kita dalam
  - A. menentu dan memilih sumber syariah.
  - B. mengetahui tujuan dan falsafah utama dalam syariah.
  - C. menjelaskan pembahagian dan pelaksanaan syariah.
  - D. memberikan keistimewaan khas kepada syariah.
  
4. Pilih padanan yang **salah**.
  - A. Rabbani = bersumberkan wahyu.
  - B. Alamiah = sesuai di semua tempat dan masa.
  - C. Syumul = lengkap dalam semua aspek kehidupan.
  - D. Murunah = mudah dan boleh dilaksanakan mengikut keadaan semasa.
  
5. Pencemaran sungai yang berlaku sekarang membuktikan kelalaian manusia untuk menunaikan
  - A. Huquq Allah.
  - B. Huquq al-'Ibad.
  - C. Huquq al-'Alam.
  - D. Maqasid Syariah.

6. Jihad yang paling tinggi dan mulia dalam Islam ialah
- A. mempertahankan Islam dan tanah air dari penjajahan.
  - B. meningkatkan ekonomi dalam keluarga.
  - C. menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi.
  - D. menghalau penjajah asing demi kuasa.
7. Berikut adalah hukum-hukum perkahwinan yang tepat **kecuali**
- A. haram bagi yang bertujuan menzalimi isteri.
  - B. makruh jika boleh mengganggu amal ibadat.
  - C. sunat bagi yang tidak berkemampuan zahir dan batin.
  - D. wajib bagi mengelakkan maksiat.
8. Yang manakah antara berikut adalah **benar** mengenai institusi pendidikan dalam sejarah Islam?
- A. Institusi pendidikan Islam bermula sejak zaman Khalifah al-Rasyidin lagi.
  - B. Pondok menyediakan pelajaran tinggi kepada orang-orang dewasa.
  - C. Masjid adalah antara institusi pendidikan awal umat Islam.
  - D. Institusi agung dalam sejarah pendidikan Islam ialah Baitul Mal.
9. Piagam Madinah yang dibentuk oleh Rasulullah SAW di Madinah adalah antara usaha baginda untuk
- A. menjalankan dakwah yang berasaskan tauhid.
  - B. membina dan menyusun masyarakat bagi penubuhan sebuah negara Islam.
  - C. menghadapi ancaman daripada orang Yahudi di Madinah.
  - D. memperkenalkan agama Islam.
10. Maksud ' *zimmi* ' dalam konteks negara Islam ialah orang bukan Islam yang
- A. memusuhi negara Islam.
  - B. membayar cukai kepada orang Islam.
  - C. berjiran dengan pemerintah Islam.
  - D. mendapat perlindungan keselamatan daripada pemerintah Islam.

11. Kenyataan yang **salah** mengenai prinsip-prinsip *hisbah* ialah
- A. menilai pencapaian prestasi dalam pentadbiran dan pengurusan supaya kelemahan, kekurangan dan kesilapan diri dapat diatasi dan diperbaiki.
  - B. mengukur kejayaan pemerintahan dan pentadbiran supaya pelaksanaan perancangan menepati kehendak pasaran dan memenuhi matlamat yang diinginkan.
  - C. mencegah dan membendung gejala-gejala buruk, amalan yang tidak sihat dan perbuatan salah laku yang dihadapi dalam menerajui pemerintahan dan pentadbiran.
  - D. mentadbir dan mengurus berlandaskan sistem perbincangan, perundingan dan nasihat-menasihati dalam menentukan sesuatu keputusan dan tindakan.
12. Yang manakah antara berikut **bukan** sumber perundangan dalam Islam?
- A. Ijtihad
  - B. Syura
  - C. Hadith
  - D. Qiyas
13. Kehidupan masyarakat Islam hari ini khususnya remaja dipengaruhi oleh budaya kesenian hiburan yang datang dari Barat kerana
- A. kesenian Islam tidak membantu mereka dalam memberikan kepuasan.
  - B. mereka terpengaruh dengan pengaruh Barat yang terlalu kuat.
  - C. mereka tidak ada pilihan lain melainkan mengikut budaya sedia ada.
  - D. mereka tidak mempunyai kekuatan agama untuk menolak arus tersebut.
14. Dakwah yang penuh berhikmah dan tegas adalah
- A. bertolak ansur dengan kepercayaan penganut agama lain.
  - B. merendah diri dan mengikut keadaan semasa.
  - C. meminta bantuan rakan-rakan.
  - D. bersabar dan meneruskan mesej yang betul walaupun dibenci.
15. Pilih persekitaran yang dibenarkan dalam berhibur menurut pespektif Islam.
- A. Penonton-penonton yang hadir tidak menutup aurat.
  - B. Pergaulan bebas dan pencampuran antara lelaki dan wanita.
  - C. Kandungan nyanyian yang mengajak kepada nafsu syahwat.
  - D. Suara, bahasa dan pengertian yang boleh difahami dan membentuk jiwa yang baik.

16. Ciri-ciri khas yang **tidak benar** berkenaan dengan qisas ialah
- A. hak manusia.
  - B. boleh diganti dengan denda.
  - C. tidak boleh dimaafkan oleh waris.
  - D. tidak boleh ditentukan oleh pemerintah.
17. Proses menyamakan hukum yang baru berlaku dengan hukum yang sedia ada di dalam al-Qur'an atau as-Sunnah kerana wujudnya persamaan '*illah*' di antara keduanya. Proses ini merujuk kepada
- A. Ijma'.
  - B. Qiyas.
  - C. Ijtihad.
  - D. Istihsan
18. Pengertian paling tepat mengenai akhlak Islam ialah
- A. suatu tingkahlaku yang berasaskan pertimbangan.
  - B. kelakuan, tingkahlaku individu yang berpandukan kepada norma masyarakat.
  - C. nilai-nilai moral yang berkaitan dengan tingkahlaku manusia.
  - D. sifat, perangai atau kelakuan seseorang yang berlandaskan syariah.
19. Umat Islam dianggap sebagai *Ummatan Wasatan* yang membawa maksud
- I. umat yang menyuruh umat manusia lain melakukan perkara-perkara kebaikan.
  - II. umat yang mencegah umat manusia lain daripada melakukan kemungkar.
  - III. umat yang adil dan mengutamakan kehidupan dunia.
  - IV. umat manusia yang beriman kepada Allah S.W.T
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. Semua di atas.
20. Berikut adalah para sahabat Rasulullah SAW yang menjadi Khulafa' Al-Rasyidin **kecuali**
- I. Ali bin Abi Talib.
  - II. Muawiyah bin Abi Sufyan.
  - III. Umar ibn al-Khattab.
  - IV. Abd. Rahman bin Auf.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. II dan III.
  - D. II dan IV.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.**

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

**Soalan 1**

- (a) Senaraikan **tiga** golongan yang haram dikahwini sementara. (3 markah)
- (b) Nyatakan **tiga** hikmah perkahwinan menurut perspektif Islam. (3 markah)
- (c) Senaraikan **empat** faktor penyumbang kepada keruntuhan rumahtangga dan institusi kekeluargaan masakini. (4 markah)

**Soalan 2**

- (a) Nyatakan **tiga** perkara yang menjadi tumpuan dalam masalahat *dhoruriyyat*. (3 markah)
- (b) Cadangkan **tiga** kaedah untuk mewujudkan pembudayaan ilmu dalam Islam. (3 markah)
- (c) Terangkan **dua** perbezaan di antara sistem demokrasi dan syura. (4 markah)

**Soalan 3**

- (a) Nyatakan **tiga** kesan positif pelaksanaan prinsip hisbah di dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara. (3 markah)
- (b) Berikan **empat** hujah anda untuk menolak tanggapan negatif oleh Barat bahawa Islam adalah satu agama yang ekstrimis? (4 markah)
- (c) Senaraikan **tiga** peranan yang dilakukan oleh Khulafa' al-rasyidin selepas kewafatan Rasulullah SAW. (3 markah)

Soalan 4

- (a) Senaraikan **tiga** fungsi institusi Baitul Mal. (3 markah)
- (b) Nyatakan **tiga** sumber utama kewangan Baitul Mal (3 markah)
- (b) Kemukakan **empat** langkah yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam untuk mengembalikan semula kegemilangan Tamadun Islam. (4 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)**

**ARAHAN: Jawab DUA soalan sahaja.**

**Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.**

**Soalan 1**

Kefahaman yang tepat dan jelas berkaitan hubungan di antara Allah S.W.T dengan hamba dan alam amat semesta amat penting dalam menetapkan halatuju dan matlamat kehidupan seorang Muslim.

Bincangkan **dua** huquq (hak) Allah S.W.T terhadap hamba dan **dua** huquq (kewajipan) hamba terhadap Allah S.W.T. Kemukakan **dua** kesan negatif yang mungkin berlaku terhadap mereka yang gagal memahami konsep huquq al-'ibad sebagai hamba terhadap Allah S.W.T.

(20 markah)

**Soalan 2**

Keistimewaan Syariah dan ciri-ciri tasawwur Islam perlu difahami secara tepat oleh setiap individu Muslim. Kegagalan memahaminya akan menyebabkan individu tersebut gagal memahami kesempurnaan ajaran Islam.

Huraikan **tiga** daripada ciri-ciri keistimewaan tasawwur Islam serta kemukakan **dua** kesan negatif yang mungkin timbul akibat kegagalan memahami tasawwur Islam secara tepat.

(20 markah)



**Soalan 3**

Setiap pasangan lelaki dan perempuan, tidak dinafikan mempunyai cita-cita untuk melangsungkan perkahwinan yang penuh dengan keceriaan dan keseronokan. Rasulullah SAW bersabda, "Seorang wanita dikahwini: *Kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Kahwinilah wanita yang baik penghayatan agamanya (Solehah), engkau akan mendapat ketenteraman*". (Hadith daripada Abu Hurairah r.a., riwayat Bukhari dan Muslim).

Huraikankan **tiga** sebab kenapa pemilihan calon isteri yang baik penghayatan agamanya diletakkan sebagai paling utama berbanding ciri sebelumnya. Kemukakan **dua** kaedah terbaik menguruskan pembahagian tugas dan urusan rumahtangga di antara pasangan yang berkerjaya.

(20 markah)

**Soalan 4**

Persoalan pemerintahan dan politik merupakan isu penting dalam rangka mendaulatkan ajaran Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna dalam melaksanakan tugas khalifah di muka bumi ini.

Bincangkan **dua** asas utama yang menjadi tumpuan perbahasan para ulamak dalam menentukan ciri sesebuah negara Islam. Kemukakan **tiga** cabaran yang bakal dihadapi untuk melaksanakan sistem pemerintahan Islam sepenuhnya dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**